

## KILANG TERBAKAR

Setelah Soichiro Honda mendapat kontrak untuk membuat ring piston bagi pihak Toyota, tiba-tiba keadaan malang menimpanya. Jepun terlibat dalam peperangan dengan Amerika Syarikat menyebabkan banyak kemusnahan yang terjadi. Bahkan Kilang Honda juga terlibat dalam kemusnahan dan terbakar sebanyak dua kali dalam peristiwa tersebut. Honda tidak pernah kecewa bahkan terus bangun untuk mendirikan semula kilangnya.



## KILANGNYA HANCUR

Namun tanpa diduga, gempa bumi pula meletus menyebabkan kilang yang dibinanya hancur kembali. Akhirnya dia terpaksa menjual kilang ring pistonnya kepada Toyota kerana sudah tidak mampu untuk membangunkannya lagi.

## EKONOMI JEPUN JATUH



Akhirnya pada tahun 1947 setelah Jepun kalah dalam peperangan dan ekonomi Jepun menjadi musnah. Honda terpaksa menjual keretanya untuk membeli makanan bagi keluarganya.

## BUAT INJIN BERSKALA KECIL

Namun dalam keadaan terdesak begitu dia telah membangunkan injin berskala kecil untuk diletakkan pada basikal. Rupa-rupanya injin itu menarik perhatian warga Jepun. Ini kerana kenderaan lain sudah tidak dapat digunakan akibat perang dan kekurangan sumber petrol.



## ORANG MEMESAN ENJIN TERSEBUT

Mereka pun mula memesan injin tersebut. Permintaan terhadap injin itu sangat tinggi hinggalah kehabisan stok. Bertitik tolak dari situlah Honda mula mendirikan kilang motosikal untuk memenuhi permintaan yang akhirnya jenama motosikal Honda mendunia selepas itu.

## PANDEMIK BOLEH JADI NILAI BAIK

Faktor Soichiro Honda inilah menyebabkan saya menyebut bahawa Pandemik sebenarnya boleh menjadinilai baik kepada kita jika kita berfikiran positif dan optimis. Apabila kita mampu untuk berfikir menukarkan musibah yang menimpa kita kepada peluang yang menanti, percayalah ia akan menjadi kebaikan yang banyak untuk kita.

## KITA ORANG ISLAM

Kejayaan Honda kerana ia tidak pernah menyerah kalah dengan musibah yang menimpanya. Takkan kita sebagai orang Islam yang ada iman, yang ada Allah, yang ada Islam, yang ada Nabi akan menyerah kalah bila musibah menimpa kita dan tidak tahu untuk mencari jalan keluar. Sedangkan sang Honda ini tidak Islam tetapi tetap kekal positif dan optimis dengan apa yang boleh diusahakan.

## TUKAR UCAPAN KITA

Tukarkan ucapan kita kepada: "insya-Allah ada jalan insya-Allah ada ruang insya-Allah ada peluang." Dari berkata: "Habis lah aku malanglah nasib aku, entah apa nak jadi kepada ku. Tukarka segera barulah apa yang datang pasti menjadi keuntungan buat kita."

## PENGAJARAN



Masalah boleh menjadi nilai baik jika kita berfikiran positif



Tukarlah musibah kepada peluang



Janganlah kita sentiasa berkata-kata negatif

وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا

"Jika kamu sabar dan yakin dengan Allah tidak akan ada kemudaran yang akan menimpa kamu."

(Al-i'Imran : 120)